

Mereka kata tidak berfaedah
untuk sekolah dan murid2

TV Pendidikan: Mahathir tegur pendapat setengah guru

JML - 6 JAN 1975



DR. MAHATHIR

KUALA LUMPUR 5 Jan. — Menteri Pelajaran, Dr. Mahathir Mohamad menegur pendapat setengah guru bahawa TV Pendidikan tidak berfaedah kepada sekolah dan murid-murid.

Sambil berharap disingkirkan anggapan seumpama itu, beliau juga berasa kesal kerana masih terdapat beberapa buah sekolah belum menggunakan sepenuhnya media tersebut.

Katanya, ini sangat dikesalkan kerana banyak wang dan tenaga telah dikeluarkan bagi mengadakan serta mengembangkan perkhidmatan yang berfaedah itu.

Berucap sempena pelancaran Minggu Pengenalan TV Pendidikan hari ini, Dr. Mahathir berkata, guru-guru besar mempunyai peranan penting dalam konteks ini dan mereka mestilah menumpukan perhatian khas kepada media itu supaya terdapat penggunaan yang berkesan di sekolah-sekolah.

Potensi TV Pendidikan hanya boleh dicapai sekiranya kedua-dua pembuat

Rancangan khas pengenalan lihat muka 2

dan penggunanya memainkan peranan mereka, tambah beliau.

Olehnya ditegaskan bahawa rancangan TV Pendidikan yang bermutu tinggi sahaja tidak akan berfaedah sekiranya ia tidak digunakan dengan berkesan di sekolah-sekolah.

Bahkan kesemua usaha dan tenaga yang dicurahkan oleh TV Pendidikan dan Kementerian Pelajaran akan sia-sia. Tidak ada cara ajaib tentang penggunaan sebarang atau media di dalam bilik-bilik darjah.

Kerjasama juga adalah perlu antara guru TV Pendidikan dengan guru di kelas sebagai satu pasukan.

"Guru di bilik darjah bu-

kannya boleh dapat digantikan oleh guru TV, malah ia mempunyai tanggungjawab untuk menentukan penggunaan TV Pendidikan yang disiarkan itu menjadi lebih berkesan," katanya.

Menyentuh tentang disiplin pelajar, Dr. Mahathir berkata guru-guru, termasuk guru-besar, pengawas murid dan murid-murid sendiri mempunyai peranan masing-masing bagi menentukan disiplin berjalan dengan baik.

Para ibubapa mempunyai tanggungjawab mereka sendiri di rumah dan mereka hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak sekolah tentang disiplin itu.

"Disiplin adalah penting bagi sesuatu masyarakat yang ingin maju. Mereka yang tidak menerima disiplin adalah mereka yang mengutamakan kepentingan diri sendiri," katanya.

Disiplin

Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa disiplin di kalangan pelajar ini meliputi juga berambut panjang, berpakaian tidak sesuai, berkelakuan tidak baik, menyalahgunakan dadah dan lain-lain.

Beliau memberi jaminan, sebagai Menteri Pelajaran beliau akan berusaha memenuhi tanggungjawab yang diberi oleh kerajaan kepadanya untuk menentukan murid-murid di sekolah diajar dan dilatih dalam cara dan keadaan yang baik supaya ujud nanti warganegara yang pendidikannya bermutu dan berhemah tinggi.

"Saya akan cuba se-daya-upaya untuk memenuhi tanggungjawab ini," tambahnya.

Katanya, para pegawai di kementeriannya dan jabatan pelajaran telah diarah mengambil langkah sewajarnya dalam perkara ini dan beliau menjangka para guru, termasuk guru besar menjalankan tugas dengan penuh perhatian.

Panduan

Ini adalah penting supaya murid-murid sekolah diberi panduan, bimbingan serta latihan yang elok bagi mengelakkan mereka dari disesatkan oleh anasir-anasir yang tidak diingini.

"Dalam perkara ini saya ingin menyebutkan bahawa sungguhpun pada mulanya pakaian digunakan untuk melindungi badan dari sejuk atau panas bagi masyarakat yang sudah ada kebudayaan dan tamaddun (civilized) pakaian tidak saja untuk tujuan itu. Jika ini tujuan berpakaian, di negara ini kita patut pakai seluar mandi sahaja," kata Dr. Mahathir.

Memandangkan murid-murid mudah dipengaruhi oleh anasir jahat, beliau menasihatkan mereka yang didatangi oleh anasir seumpama itu segera melaporkannya kepada guru-guru atau pihak berkenaan.

Mengenai TV Pendidikan, Dr. Mahathir berkata projek ini yang dimulakan tahun 1972 dengan cuma enam siri; kini berkembang dengan pesat dan menyiarkan lebih 30 siri kepada murid-murid darjah tiga hingga tingkatan tiga di sekolah menengah.

Mulai tahun ini satu rancangan baru untuk tingkatan enam aliran sains bagi sekolah-sekolah menengah kebangsaan akan diadakan.